



Pasukan lelaki SSTMI (tengah), UKM (kanan) dan UiTM memperagakan hadiah kemenangan pada Cabaran Berbasikal Varsity 2019, semalam.

### Cabaran Berbasikal Varsity 2019

# SSTMI unggul perlumbaan

**UKM terpaksa berpuas hati selaku naib juara**

**Ayer Keroh:** Pasukan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) mencipta kejutan selepas mengetepikan juara bertahan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila mengungguli acara individu dan berpasukan Cabaran Berbasikal Varsity 2019 di Universi-

ti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dekat sini, semalam.

Saingan perlumbaan lebuhraya sejauh 44.8 kilometer lelaki menyaksikan strategi trio SSTMI, Muhammed Fahem Muhammed Zaini, Muhammad Afiq Zharfan Mohd Abu Walfa dan Muhammad Aqil Amzar Rosli untuk menguasai tiga kedudukan teratas membuahkan hasil.

Muhammad Fahem Razen turut muncul juara individu dengan catatan masa 1 jam 4.44 saat, diikuti Mohd Afiq Zharfan dan Muhammad Aqil Amzar, se-saat kemudian.

Kejayaan pelumba SSTMI

itu memaksa UKM terpaksa berpuas hati selaku naib juara, manakala Universiti Teknologi MARA (UiTM) di tempat ketiga.

Bagaimanapun hasrat SSTMI menyapu bersih pingat emas perlumbaan acara lebuhraya tidak kesampaian apabila pasukan UKM yang dibarisi pelumba berpengalaman berjaya mempertahankan kejuaraan kategori wanita yang membabitkan jarak sejauh 33.6 kilometer.

Wakil negara ke Sukan SEA Filipina, Nur Azrenna Ahmad Jumry pula mengetuai pelumba

UKM menjuarai saingan individu menerusi catatan masa 59 minit 11 saat selain membantu skuadnya muncul juara berpasukan wanita.

